

Malaysia orang tengah selesai krisis Selatan Thailand

M Thillinadan
Bangkok,
Thailand



MALAYSIA sedia menjadi 'orang tengah' untuk mencari penyelesaian terhadap pergolakan dan keganasan di Selatan Thailand yang sehingga kini sudah mengorbankan lebih 2,000 orang.

Malah, Thailand sendiri melihat Malaysia berada 'dalam kedudukan baik' untuk melaksanakan tugas itu, terutama dalam usaha mengadakan rundingan dengan kumpulan pemisah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata secara umum, Thailand berpendapat Malaysia ada kemampuan dan kebolehan kerana memahami keadaan dan pendirian mereka berhubung isu berkenaan.

"Kita juga mengenali kumpulan itu (pemisah), lagipun mereka juga orang Islam dan berketurunan Melayu. Malaysia juga ada hubungan baik dengan Kerajaan Thailand," katanya kepada wartawan Malaysia di sini, malam kelmarin.

Abdullah yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Thailand, berlepas pulang pagi semalam. Beliau memulakan rundingan tidak formal de-

“*Kita juga kenal kumpulan itu , lagipun mereka juga orang Islam dan berketurunan Melayu. Malaysia juga ada hubungan baik dengan Thailand”*

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

BH- 14/2/2007

ngan rakan sejawatannya, Surayud Chulanout di Phuket, Ahad lalu dan mengadakan perbincangan pusingan kedua secara formal dengan Perdana Menteri Thailand di Rumah Kerajaan, di sini, petang kelmarin.

Pergolakan di Selatan Thailand yang bermula pada 2004 berikutan Peristiwa Takbai dan sehingga kini mengorbankan lebih 2,000 orang, termasuk terbaru tiga penoreh getah dibunuh, Ahad lalu.

Keganasan itu dikaitkan dengan pendekatan keras Kerajaan Thailand sebelum ini, khususnya tentera, dalam menangani masalah ekonomi, sosial dan pendidikan membabitkan 1.2 juta penduduk di daerah Yala,

Narathiwat dan Pattani yang majoritinya Islam.

Ditanya sama ada Kerajaan Thailand meminta Malaysia menjadi orang tengah dalam menyelesaikan isu itu, Perdana Menteri berkata, mereka akan mengemukakannya secara rasmi.

Mengenai kemungkinan Malaysia dipersalahkan jika usaha pemulihan di wilayah selatan itu gagal, Abdullah berkata:

"Saya tidak faham mengapa Malaysia perlu dipersalahkan. Thailand kena beri persetujuan (kepada Malaysia) kerana yang akan dipersalahkan nanti ialah kerajaan mereka sendiri."